

**Puluhan Ribu Pengunjung Dijangka Meriahkan Rumah Terbuka PM Dan Jemaah Menteri
Bernama
7 Ogos, 2013**

PUTRAJAYA, 7 Ogos (Bernama) -- Kira-kira 80,000 hingga 100,000 pengunjung dijangka hadir dan memeriahkan Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak dan anggota Jemaah Menteri di Kompleks Seri Perdana di sini pada 1 Syawal.

Penyelaras majlis rumah terbuka yang juga Setiausaha Sulit Perdana Menteri Datuk Mohd Po'ad Jelani berkata para pengunjung akan berpeluang menikmati pelbagai juadah dan menu tempatan yang disediakan pihak penganjur.

"Majlis rumah terbuka yang akan bermula pada 10.30 pagi hingga 4 petang ini melambangkan identiti negara.

"Semua dijemput hadir bagi memeriahkan sambutan Aidilfitri di Seri Perdana untuk bertemu, bersalam dan beramah mesra dengan perdana menteri serta isteri, Datin Seri Rosmah Mansor dan menteri-menteri kabinet bagi mengeratkan silaturahim serta memperkukuh semangat 1Malaysia," katanya kepada pemberita selepas meninjau persiapan akhir majlis rumah terbuka di Seri Perdana di sini hari ini.

Mohd Po'ad berkata orang ramai dinasihatkan menggunakan perkhidmatan bas percuma, Nadi Putra yang akan beroperasi bermula pukul 9 pagi hingga 5 petang di tiga lokasi iaitu Putrajaya Sentral, Laman Perdana 1Malaysia dan Masjid Putra.

"Orang ramai boleh meninggalkan kenderaan masing-masing di tiga lokasi berkenaan untuk menaiki bas dengan kekerapan selang 15 minit," katanya.

Sementara itu, beliau berkata perdana menteri dijangka akan mengadakan sidang televideo dengan penuntut Malaysia iaitu di Kanada, Pakistan, Bahrin, Austria, dan Russia sempena Aidilfitri pada pukul 3 petang 1 Syawal.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=968871>